

Ku Li: Rakyat perlu bersedia hadapi sebarang kemungkinan

UM 24 JUN 2002

KOTA BHARU 23 Jun — Rakyat perlu bersedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan jika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meneruskan hasratnya untuk berundur sekembali beliau daripada bercuti.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, beliau percaya Dr. Mahathir telah pun memikirkan dengan sedalam-dalamnya kesan tindakannya untuk berundur daripada arena politik.

“Semua pihak perlu menghormati pendirian Perdana Menteri kerana walaupun ia akan mendatangkan implikasi kepada negara, tetapi tiada benda yang tidak boleh diatasi.

“Tetapi pimpinan UMNO yang menghadiri perhimpunan (Perhimpunan Agung UMNO) mahu Dr. Mahathir menghormati kehendak mereka,” katanya sambil menambah bahawa orang Melayu pun mempunyai hak supaya Dr. Mahathir menimbang cadangan hendak mengundur diri.

Semasa bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa dekat sini sekembalinya dari Kuala Lumpur hari ini, Tengku Razaleigh berkata: “Oleh kerana keadaan dah begitu, (Dr. Mahathir) beri kesanggupan tak lepas jawatan, kita boleh turun untuk jelaskan kedudukan sebenar.”

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya tidak terlalu banyak pihak yang membuat kenyataan berhubung perkara berkenaan bagi mengelak kekeliruan yang akhirnya mendatangkan masalah kepada parti dan negara.

“Kita telah mewakilkan pada pimpinan parti untuk membuat kenyataan mengenai perkara tersebut.

“Lebih baik kalau tidak ramai buat kenyataan sebab kalau silap, mungkin menimbulkan banyak kekeliruan dan mendatangkan banyak masalah bukan sahaja kepada parti, tetapi juga negara,” ujarnya.